

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-14
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG [HULU RAJANG]**

TARIKH : **28 OKTOBER 2021 (KHAMIS)**

SOALAN : **11**

DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG [HULU RAJANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah proses perundingan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) sedang giat dijalankan dan bilakah Kerajaan Persekutuan akan memuktamadkan segala proses perbincangan ini.

JAWAPAN: YB DATO HAJJAH HANIFAH HAJAR TAIB
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH DAN SARAWAK)

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Hulu Rajang, secara keseluruhan, semenjak diluluskan penubuhannya oleh Jemaah Menteri pada 9 September 2020, Majlis Khas Mengenai Perjanjian Malaysia 1963 (**Majlis Khas MA63**) telah bermesyuarat sebanyak 3 kali iaitu pada **2 Disember 2020, 13 April 2021 dan 18 Oktober 2021**.

2. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, keputusan-keputusan yang telah dicapai di bawah Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (JKKKMA63) sebelum ini merupakan keputusan dasar yang mana masih memerlukan tindakan lanjut sebelum dapat dilaksanakan sepenuhnya. Walau

bagaimanapun, sukacita saya ingin memaklumkan bahawa terdapat beberapa perkara telah selesai dibincangkan dan telah dibawa untuk perakuan Majlis Khas 1963 untuk dilaksanakan seperti berikut:

- (i) Penyerahan Kuasa Kawal Selia Pengeedaran Gas (*Liquefied Petroleum Gas* – LPG) Kepada Kerajaan Negeri Sarawak telah selesai dilaksanakan sepenuhnya pada 1 Jun 2021 dan telah dirasmikan oleh YAB Ketua Menteri Sarawak pada 9 September 2021;
- (ii) Kuasa Pentadbiran ke Atas Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan Kepada Kerajaan Negeri Sabah, Majlis Khas MA63 bersetuju supaya Perintah Kawasan Larangan dan Tempat Larangan bagi kedua-dua pulau dibatalkan namun tanggungjawab berhubung keselamatan adalah masih di bawah Kerajaan Persekutuan;
- (iii) Cadangan Rang Undang-Undang Perlembagan Persekutuan (Pindaan) 2021 pula telah diperakukan oleh Majlis Khas MA63 pada 18 Oktober 2021 dan telah dibawa kepada Jemaah Menteri pada 21 Oktober 2021. Bacaan Kali Pertama dan Bacaan Kali Kedua RUU adalah pada sidang mesyuarat Parlimen kali ini.
- (iv) *Empowerment* Pelesenan Laut Dalam Sabah turut diperakukan oleh Majlis Khas dalam mesyuarat yang sama. Pelaksanaan (dengan izin) *empowerment* Pelesenan Perikanan Laut Dalam Sabah dijangka akan mula dilaksanakan pada Disember 2021. Majlis Khas juga bersetuju supaya kuasa yang sama juga dipanjangkan kepada Pengarah Jabatan Perikanan Laut Sarawak.

NO. SOALAN : 11

3. Selain itu, terdapat juga isu-isu lain yang sedang dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Kerja yang ditubuhkan di bawah Majlis Khas MA63 iaitu seperti:

- (i) Semakan semula berhubung isu-isu pentadbiran badan kehakiman di Sabah dan Sarawak di bawah Jawatankuasa Kerja Rakan Sekutu;
- (ii) Perkara berkaitan keselamatan negeri seperti isu sempadan negeri Sarawak, isu imigresen seperti IMM13, Burung-Burung, Kad Banci dan PATI di negeri Sabah di bawah Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri Sabah dan Sarawak;
- (iii) Keperluan infrastruktur asas di negeri Sabah dan Sarawak seperti jalan raya, air/elektrik, kesihatan, pendidikan, digital, kemiskinan dan perumahan rakyat di bawah Jawatankuasa Kerja Sosioekonomi; dan
- (iv) Semakan Semula Pemberian Khas di bawah Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan.

Kerajaan Persekutuan juga berharap supaya perkara ini dapat dimuktamadkan dengan kadar segera.

Sekian, terima kasih.